

Sekali kaki melangkah jangan biarkan ia berpatah kembali



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

MINGGU ini merupakan minggu pertama yang anda akan lalui sebagai seorang yang bergelar mahasiswa. Minggu ini juga merupakan minggu yang penuh dengan pelbagai emosi yang terpaksa anda semua lalui. Ada yang berasa sangat gembira kerana berjaya mendapat tawaran memasuki ke Institusi Pengajian Tinggi Awam yang terpilih pada minggu ini. Ada juga individu yang berasa sedih kerana terpaksa berpisah dengan ahli keluarga yang selama ini selalu menemani di kala susah dan senang. Malah mungkin juga ada yang pertama kali menjejakan kaki ke sebuah negeri yang lain. Sudah tentu anda akan merasa terasing, pelik dan sukar untuk memulakan kehidupan yang baru dalam suasana persekitaran yang berlainan daripada sebelum ini. Malahan juga mungkin anda terpilih di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang berada di Seberang Laut China Selatan seperti di Sarawak dan Sabah serta Semenanjung Malaysia.

Tawaran ini akan memberikan peluang kepada anda untuk merasa keseronokan menaik pesawat yang mungkin tidak pernah anda impikan. Itulah dia erti sebuah usaha yang telah anda lakukan semenjak dibangku sekolah. Minggu ini merupakan detik yang paling manis kerana anda semua telah berjaya menuai hasil daripada kesungguhan anda berusaha dalam belajar.

Walau bagaimanapun keseronokan dan keterujaan anda bukan bererti anda boleh melupakan siapa dan hala tuju hidup anda apabila berada di Institusi Pengajian Tinggi. Ini disebabkan banyak kajian yang dilakukan oleh pakar psikologi tempatan dan luar negeri keterujaan untuk menuntut ilmu akan memberikan implikasi kepada adaptasi dan penyesuaian semasa berada di universiti. Hampir separuh daripada jumlah kemasukan pelajar yang membuat pendaftaran pada awal semester pengajian mengalami mimpi buruk apabila mempunyai pelbagai masalah penyesuaian di dalam dunia kampus. Antara isu yang selalu timbul ialah isu perselisihan faham dengan rakan sebilik, tidak memahami dialek dalam berkomunikasi dengan rakan sebilik, berasakan diri lebih hebat, homesick, leka dengan keseronokan dunia bebas yang baru diperolehi, terpengaruh dengan pujukan rakan untuk berhibur, mengalami kejutan budaya kerana di dunia kampus anda sendiri yang akan menentukan nasib dan masa depan anda. Isu-isu tersebut merupakan perkara yang melibatkan emosi dan psikologikal seorang mahasiswa yang terpaksa ditempuhi semasa di tempat kediaman dan dalam pengkuliah.

Oleh sebab itu proses pengadaptasian dan penyesuaian merupakan satu perkara yang utama dan penting kepada semua mahasiswa. Perkara pengadaptasian dan penyesuaian tidak boleh berlaku dalam sekelip mata seperti ahli silap mata yang boleh menukarkan sesuatu benda kepada benda yang lain. Ini disebabkan ia melibatkan pemrograman pada minda seseorang yang sudah sebatu dengan alam tidak sedar selama lebih 19 tahun. Adalah sesuatu yang sukar untuk menerima sesuatu perkara yang baru untuk dijadikan rutin harian dan dimasukkan ke alam tidak sedar segera. Justeru itu implikasi

daripada proses pengadaptasian yang tidak sempurna mengikut pakar psikologi dari luar negeri dan tempatan mendapati hampir separuh pelajar yang mendaftar pada awal semester di sesebuah institusi pengajian tinggi memperolehi keputusan peperiksaan semester dengan keputusan yang rendah dan tidak berupaya untuk menamatkan pengajian dan menggenggam segulung ijazah. Malah ada yang terus menghilangkan diri kerana sukar untuk menyesuaikan diri dengan sistem pengkuliah, cabaran dalam emosi dan psikologi, cabaran sosial, leka dengan pergaulan bebas semasa di universiti, pengurusan masa, kewangan dan disiplin diri yang menyebabkan segelintir daripada siswa tidak dapat mencapai matlamat dan impian semenjak kecil. Oleh sebab itu kehidupan di kampus merupakan satu kehidupan yang baharu dan mencabar bagi semua orang. Ini disebabkan setiap orang bertanggungjawab kepada diri masing-masing untuk menjaga tatakelakuan diri, kewangan, keperibadian dan sebagainya. Bagi siswa siswi kehidupan di kampus merupakan satu landasan untuk memulakan hidup sebagai seorang yang berfikir matang dan rasional dalam setiap pemikirannya. Bagi golongan yang masih merasakan kehidupan di kampus tidak begitu sesuai dengan diri, mereka perlu mula memikirkan corak kehidupan yang lebih diingini supaya tidak berlaku kejutan budaya dan bersedia menerima perubahan diri secara beransur-ansur untuk memulakan kehidupan yang lebih mencabar. Ini disebabkan kehidupan di kampus memerlukan kecekapan dalam mengatur kehidupan samada untuk menghadiri kuliah, mencari bahan rujukan, bahan bacaan, berkawan, bersukan, rehat dan sebagainya.

Kehidupan dikampus memerlukan ketelitian dan bersedia untuk membuka minda dalam mendapatkan sesuatu yang berharga samada di dewan kuliah, di kolej kediaman mahupun dalam kegiatan ko-kurikulum. Bukan mudah untuk bergelar seorang siswa siswi kerana terpaksa berhadapan dengan tugas yang mencabar yang diberikan oleh tenaga pengajar. Untuk mendapatkan ilmu seseorang itu perlu melihat keupayaan diri sendiri samada seorang yang bersedia untuk menempuhi kesukaran atau sebaliknya. Bak kata orang semangat tengah membara, motivasi tengah berkobar-kobar untuk berjuang mengejar segulung ijazah dan menimba sebanyak mungkin ilmu. Sudah tentu alang kepalang semangat muda untuk bergelar siswa siswi. Dalam meneliti liku-liku kehidupan di universiti bukan semudah yang disangkakan. Kita sedia maklum bahawa corak perbezaan proses pembelajaran adalah berbeza antara alam persekolahan dengan alam pembelajaran di kampus universiti. Di kampus pembelajaran di dalam kelas bermula seawal jam 8 pagi dan berakhir selepas jam 11 malam.

Lantaran itu bagi yang mula melihat universiti adalah gedung ilmu, maka sahutlah seruan untuk memulakan kehidupan sebagai pelajar yang mempunyai intelektual yang tinggi, matang dalam berfikir, rasional dalam bertingkah laku, sopan dalam berbicara dan melihat peluang yang terbuka luas di depan mata demi masa depan yang cerah.

Justeru itu ubahlah gaya dan personaliti anda supaya mudah didampingi dan menjadi seorang yang sukakan cabaran walau dimana sahaja anda berada. Justeru itu, anda juga semakin dewasa dan matang.

*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS